JUZU' KE-30

SURAH AL-QADR

SURAH KE **97**

سُورَةُ الْقَدْرِ

SURAH AL-QADR

Surah Malam Keagungan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **5**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِي لَيۡلَةِ ٱلۡقَدۡرِ ١

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ ٢

لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ خَيۡرٞ مِّنۡ أَلۡفِ شَهۡرٖ ٣

تَنَزَّلُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ فِيهَا بِإِذۡنِ رَبِّهِم مِّن كُلِّ أَمۡرٖ ٤

سَلَٰمٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطۡلَعِ ٱلۡفَجۡرِ ٥

"Sesungguhnya Kami telah turunkan Al-Qur'an itu pada Lailatul-Qadr(1). Tahukah engkau apakah Lailatul-Qadr itu?(2). Lailatul-Qadr itu lebih baik dari seribu bulan(3). Pada malam itu, para malaikat dan roh (Jibril) turun dengan perintah Tuhan mereka kerana membawa segala urusan (yang bijaksana)(4). Sejahteralah malam itu hingga fajar menyingsing."(5).

Malam Bersejarah

Pembicaraan dalam surah ini adalah, mengenai malam bersejarah yang dijanjikan Allah dan disambut seluruh alam dengan penuh gembira iaitu malam perhubungan mutlak di antara bumi dan alam al-Mala'ul-A'la, malam permulaan turunnya Al-Qur'an kepada hati Nabi Muhammad s.a.w., malam peristiwa agung yang belum pernah disaksikan bumi seumpamanya, baik dari segi kebesaran dan maknanya mahupun dari segi kesan-kesannya dalam kehidupan seluruh manusia, iaitu kebesaran yang tidak dapat diliputi oleh fikiran manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Malam Nur-nur Yang Gemilang

إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِي لَيۡلَةِ ٱلۡقَدۡرِ ١

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ ٢

لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ خَيۡرٞ مِّنۡ أَلۡفِ شَهۡرٖ ٣

"Sesungguhnya Kami telah turunkan Al-Qur'an itu pada Lailatul-Qadr(1). Tahukah engkau apakah Lailatul-Qadr itu?(2). Lailatul-Qadr itu lebih baik dari seribu bulan."(3)

Ayat-ayat Al-Qur'an yang menyebut peristiwa malam ini berkilau-kilau memancarkan nur, Ia melimpahkan cahaya yang tenang, indah dan mesra iaitu nur Allah yang gemilang di dalam Al-Qur'an-Nya:

إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِي لَيۡلَةِ ٱلۡقَدۡرِ ١

"Sesungguhnya Kami telah turunkan Al-Qur'an itu pada Lailatul-Qadr."(1)

juga nur para malaikat dan Jibril yang berulang-alik di sepanjang malam itu antara bumi dan alam al-Mala'ul-A'la:

تَنَزَّلُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ فِيهَا بِإِذۡنِ رَبِّهِم مِّن كُلِّ أَمۡرٖ ٤

"Pada malam itu, para malaikat dan roh (Jibril) turun dengan perintah Tuhan mereka kerana membawa segala urusan (yang bijaksana)."(4)

Juga nur cahaya fajar menyingsing yang disebut oleh ayat-ayat Al-Qur'an selaras dengan cahaya wahyu, cahaya malaikat dan roh kesejahteraan yang menyelubungi alam dan roh-roh yang wujud di alam ini:

سَلَٰمٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطۡلَعِ ٱلۡفَجۡرِ ٥

"Sejahteralah malam itu hingga fajar menyingsing."(5)

Hakikat Lailatul-Qadr

Malam yang diperkatakan oleh surah ini ialah malam yang diterangkan di dalam Surah ad-Dukhan:

إِنَّآ أَنزَلۡنَٰهُ فِي لَيۡلَةٖ مُّبَٰرَكَةٍۚ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ٣

فِيهَا يُفۡرَقُ كُلُّ أَمۡرٍ حَكِيمٍ ٤

أَمۡرٗا مِّنۡ عِندِنَآۚ إِنَّا كُنَّا مُرۡسِلِينَ ٥

رَحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٦

"Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an itu di suatu malam yang penuh berkat. Sesungguhnya Kamilah yang memberi peringatan(3). Pada malam itu, dijelaskan segala urusan yang

penuh hikmat(4). Iaitu urusan dari kami. Sesungguhnya Kamilah yang mengutuskan para rasul(5). Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(6)

(Surah ad-Dukhan)

Malam Dalam Bulan Ramadhan

Yang dikenali umum, malam itu ialah satu malam dari malam-malam bulan Ramadhan sebagaimana telah dijelaskan di dalam Surah al-Baqarah:

شَهۡرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِيٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلۡقُرۡءَانُ هُدٗى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٖ مِّنَ ٱلۡهُدَىٰ وَٱلۡفُرۡقَانِۚ

"Iaitu bulan Ramadhan, di mana mula diturunkan Al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan penjelasan-penjelasan yang membezakan di antara yang hak dengan yang batil."(185)

(Surah al-Baqarah)

Yakni malam itulah mula diturunkan Al-Qur'an kepada Rasulullah s.a.w. untuk disampaikannya kepada manusia. Menurut riwayat Ibn Ishaq, wahyu pertama iaitu permulaan Surah al-'Alaq adalah diturunkan dalam bulan Ramadhan semasa Rasulullah s.a.w. beribadat di dalam Gua Hira'.

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat yang menentukan malam itu. Setengah riwayat menentukannya pada malam 27 Ramadhan. Setengahnya pula menentukannya pada malam 21 Ramadhan. Dan ada pula yang menentukannya pada salah satu malam dari sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan. Dan setengah riwayat mengumumkannya pada mana-mana malam di bulan Ramadhan semuanya. Walau bagaimanapun malam itu adalah tetap salah satu malam dari malam-malam bulan Ramadhan mengikut riwayat yang lebih rajih.

* * * * * *

Makna Malam Al-Qadr

Malam itu dinamakan ليلة القدر atau **"Malam al-Qadr".** القدر di sini mungkin dimaksudkan dengan makna perencanaan dan pentadbiran. Lailatul-Qadr bererti "malam perencanaan dan pentadbiran" atau "malam penentuan dan penyusunan tadbir Ilahi" dan mungkin pula dimaksudkan dengan **Lailatul-Qadr** ialah malam yang amat tinggi nilai dan darjatnya atau **"malam keagungan".** Kedua-dua makna itu sesuai belaka dengan peristiwa malam yang amat agung itu, iaitu peristiwa Nuzul-Qur'an atau turunnya wahyu dan perutusan dari Allah, kerana tidak ada peristiwa-peristiwa yang lebih besar dari malam ini dari yang lebih bermakna dari malam ini dalam agenda perencanaan dan penyusunan tadbir Ilahi terhadap kehidupan para hamba-Nya. Ia merupakan satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Angka bilangan yang disebut di dalam Al-Qur'an di tempat-tempat yang seperti ini tidaklah memberi makna bilangan yang terbatas, malah yang dimaksudkan dengan bilangan itu ialah bilangan yang banyak. Lailatul-Qadr adalah lebih baik dari seribu bulan dalam hidup manusia. Sudah ribuan bulan dan ribuan, tahun telah berlalu tanpa meninggalkan sebahagian kesan dari kesan-kesan dan perubahan-perubahan seperti yang telah ditinggalkan oleh Lailatul-Qadr.

Malam Lailatul-Qadr adalah begitu agung hingga hakikat keagungannya mengatasi batas-batas daya fikiran manusia:

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ ٢

"Tahukah engkau apakah Lailatul-Qadr itu?"(2)

Tetapi keagungannya itu tidak memerlukan kepada mempercayai berbagai-bagai cerita dongeng Lailatul-Qadr yang masyhur dalam anggapan orang-orang awam.

Lailatul-Qadr adalah satu malam yang amat agung, kerana ia telah dipilih Allah sebagai malam permulaan Nuzul-Qur'an atau permulaan melimpahkan cahaya agama Allah ke seluruh alam, di samping melimpahkan kesejahteraan dan kedamaian yang memancar dari roh Allah (Al-Qur'an) ke atas hati dan kehidupan manusia, dan kerana Al-Qur'an itu mengandungi 'aqidah, kefahaman, syari'at dan adab sopan yang memancarkan kesejahteraan di bumi dan di hati nurani.

Pada malam itulah turunnya para malaikat terutama Jibril a.s. dengan izin Allah membawa Al-Qur'an bersama mereka. Mereka berhamburan di antara langit dan bumi dalam temasya alam yang agung yang digambarkan oleh ayat-ayat surah ini dengan gambaran yang menarik.

* * * * * *

Jika kita renungkan kembali pada hari ini dari belakang abad-abad yang sekian lama berlalu meninggalkan peristiwa Lailatul-Qadr yang mulia itu, dan kita gambarkan kembali temasya indah yang telah disaksikan oleh bumi pada malam itu, di samping kita memperhatikan pula apa yang sebenar berlaku di malam itu dan meneliti kesan-kesannya di sepanjang zaman, kesan-kesannya kepada dunia dan kesan-kesannya kepada kefahaman hati dan akal manusia tentulah kita dapati bahawa malam Lailatul-Qadr itu adalah sebenarnya suatu malam yang sungguh agung, di mana kita dapat menanggapi sebahagian dan tujuan pertanyaan Al-Qur'an mengenai malam itu:

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا لَيۡلَةُ ٱلۡقَدۡرِ ٢

"Tahukah engkau apakah Lailatul-Qadr itu?"(2)

Pada malam itulah Allah menjelaskan segala urusan yang bijaksana, meletakkan nilai-nilai, dasar-dasar dan neraca-neraca dan menetapkan kedudukan-kedudukan yang lebih besar dari kedudukan-kedudukan individu-individu, kedudukan umat-umat, kedudukan kerajaan-kerajaan, kedudukan bangsa-bangsa, malah lebih besar dari itu lagi iaitu

kedudukan hakikat-hakikat peraturan-peraturan dan kedudukan hati-hati manusia.

Akibat Melupakan Malam Keagungan Malam Lailatul Qadr

Kerana kejahilan dan nasibnya yang tidak baik, manusia telah melupakan keagungan Lailatul-Qadr, dan sejak itulah mereka telah kehilangan ni'mat Allah yang paling indah, di samping kerugian kebahagiaan dan kedamaian yang hakiki iaitu kedamaian hati, kedamaian rumahtangga dan kedamaian masyarakat yang dikurniakan oleh Islam. Kerugian-kerugian itu tidak dapat diganti oleh kejayaan-kejayaan mereka di bidang kemajuan kebendaan, tamadun dan pembangunan. Walaupun mereka kini mewah dengan hasil-hasil pengeluaran dan cukup lengkap dengan segala kemudahan hidup, namun jiwa mereka merana tidak bahagia.

Cahaya indah yang pernah menerangi jiwa mereka itu telah padam, dan kesukaan yang gemilang yang telah membawa mereka ke alam al-Mala'ul-A'la telah pun hilang, kedamaian dan ketenteraman yang telah menyelubungi jiwa dan hati mereka telah lenyap, dan tiada suatu pun yang dapat menggantikan kesukaan roh, pancaran cahaya langit dan kebebasan terbang ke alam 'Illiyin itu.

* * * * * *

Memperingati Lailatul Qadr

Kita umat Mu'minin adalah diperintah supaya jangan lupakan malam yang agung itu. Nabi kita s.a.w. telah menunjukkan satu cara yang mudah untuk memperingati malam itu supaya jiwa kita mempunyai hubungan yang abadi dengannya, di samping mempunyai hubungan yang abadi dengan peristiwa universal yang berlaku pada itu, iaitu beliau telah menggalakkan kita supaya menghidupkan malam itu dengan amal ibadat pada setiap tahun dan menunggu-nunggu Lailatul-Qadr pada malam-malam sepuluh Ramadhan yang terakhir. Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, sabda Rasulullah s.a.w.:

تحروا ليلة القدر في العشر الأواخر من رمضان.

"Carilah Lailatul-Qadr itu pada malam-malam sepuluh yang terakhir dari bulan Ramadhan."

من قام ليلة القدر إيماناً واحتساباً غفرله ما تقدم من ذنبه .

"Barang siapa yang berbuat ibadat pada Lailatul-Qadr kerana didorong keimanan dan harapan mendapatkan pahala dari Allah nescaya diampunkan segala dosanya yang telah lalu."

Islam bukanlah upacara gerak-geri yang lahir, kerana itulah Rasulullah s.a.w. menegaskan supaya amal ibadat yang dilakukan pada malam itu hendaklah dikerjakan dengan hati yang penuh keimanan dan harapan mendapatkan pahala dari Allah, agar ibadat itu benar-benar menghidupkan konsep-konsep agung yang diduduki malam itu dan agar benar-benar ikhlas kerana Allah. Dengan ibadat yang seperti ini melahirkan dalam hati hakikat tertentu dari ibadat malam itu yang ada kaitan dengan tujuan yang diturunkannya oleh Al-Qur'an.

Methodologi pendidikan Islam menghubungkan ibadat dengan hakikat-hakikat 'aqidah di dalam hati. Ia jadikan amal ibadat itu sebagai saranan untuk memperingati, menghidup dan meneguhkan hakikat-hakikat 'aqidah dalam satu bentuk yang hidup yang menggerakkan perasaan-perasaan dan bukan hanya sekadar terhenti di batas-batas pemikiran sahaja.

Memang jelas bahawa methodologi pendidikan yang seperti ini sahaja merupakan cara yang paling baik untuk menghidupkan hakikat-hakikat 'aqidah dan memberikannya daya tenaga bergerak dalam hati dan perilaku manusia. Pemahaman hakikat-hakikat 'aqidah secara teori sahaja, tanpa dibantu dengan amal ibadat, tidak dapat meneguhkan hakikat-hakikat 'aqidah itu dan tidak dapat menjadikannya satu kekuatan pendorong dalam kegiatan hidup individu dan masyarakat.

Menghubungkan peringatan Lailatul-Qadr dengan melakukan amal ibadat pada malamnya dengan penuh iman dan ikhlas kerana Allah, merupakan sebahagian dari methodologi pendidikan Islam yang berjaya, kuat dan teguh.

* * * * * *